

3 resolusi martabatkan Onn

BH-5/12/2006

Wadah kesinambungan sumbangan pengasas Umno untuk generasi akan datang

Oleh Johan Afandi

JOHIR BAHRU: Seminar Kebangsaan Mengenai Pemikiran Datuk Onn Jaafar yang berakhir semalam mencapai tiga resolusi sebagai kesinambungan sumbangan perjuangan negarawan itu untuk generasi akan datang.

Resolusi itu memartabatkan Datuk Onn sebagai pengasas sebuah negara bangsa; mencadangkan kepada kerajaan Pusat supaya menubuhkan Kursi Datuk Onn mengenai pembinaan bangsa di Universiti Malaya

(UM) dan mencadangkan kerajaan Johor mewujudkan Geran Penyelidikan dan Biasiswa Datuk Onn.

Setiausaha Jawatankuasa Induk seminar berkenaan yang juga Ketua Penerangan Umno Johor, Senator Dr Mohd Puad Zarkashi mengumumkan resolusi yang dipersetujui sepanjang persidangan empat hari di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor.

Ia kemudian diserahkan kepada Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Abdul Ghani Othman yang juga Menteri Besar Johor dan

Pengerusi Jawatankuasa berkenaan.

Peserta seminar berpendapat pengiktirafan terhadap Datuk Onn adalah amat wajar dengan mengambil kira sumbangannya mewariskan idea kenegaraan kepada rakyat negara ini.

Penubuhan Kursi Datuk Onn di UM bagi mendalami pemikirannya sebagai pengasas sebuah negara bangsa dan idea kenegaraannya bukan sekadar diwarisi tetapi difahami serta dijadikan rujukan dan panduan generasi akan datang.

Seramai 350 ahli akademik termasuk dari Indonesia dan Singapura

terbabit dalam seminar ini yang menyaksikan 31 kertas kerja dibentangkan.

Seminar anjuran Umno Johor dan Yayasan Warisan Johor dengan kerjasama Gabungan Persatuan Penulis Nasional (GAPENA), Jabatan Sejarah UM, Akademi Pengajian UM dan Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Sementara itu, Abdul Ghani ketika ditemui melahirkan rasa gembira kejayaan seminar berkenaan dan berjanji semua kertas kerja yang dibentangkan akan dibukukan.